

PROSIDING

WACANA PENDIDIKAN ISLAM PERINGKAT KEBANGSAAN SIRI KE-6

"Pendidikan Islam Teras Pembangunan Modal Insan"

Anjutan:
Fakulti Pendidikan, UKM
dengan kerjasama
Majlis Islam Sarawak dan Jabatan Pelajaran Sarawak



UNIVERSITI
KEBANGSAAN
MALAYSIA
*National University
of Malaysia*



*Encheh
drayfinment
25/07/2008*

E. H. H. H.
Charifinmammat
25 Julai 2008.

**PROSIDING
WACANA PENDIDIKAN ISLAM
PERINGKAT KEBANGSAAN
SIRI KE-6**

Tema:

**Pendidikan Islam
Teras Pembangunan Modal Insan**

Penerbitan Bersama
Biro Perkhidmatan Pendidikan, Majlis Islam Sarawak
Jabatan Pelajaran Sarawak
Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
2008

Diterbitkan bersama oleh:

*Biro Perkhidmatan Pendidikan, Majlis Islam Sarawak
Jabatan Pelajaran Sarawak &
Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia*

Hak Cipta Terpelihara

Tidak dibenarkan ulang mana-mana bahagian artikel/bab/ilustrasi, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apapun sama ada elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau lain-lain sebelum mendapatkan keizinan bertulis dari Biro Perkhidmatan Pendidikan, Majlis Islam Sarawak, Jabatan Pelajaran Sarawak dan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

*Prosiding Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan Siri Ke-6
Zamri Mahamod et al. (2008)*

ISBN: 983-2975-61-1

*Susun Atur Huruf: Mansor Ab. Samad & Zamri Mahamod
Reka Bentuk Kulit: Pusat Penerbitan dan Percetakan UKM
Huruf: Times Roman 8, 9, 10, 11, Arial 11, 12, 14*

Dicetak oleh:

*Biro Perkhidmatan Pendidikan
Majlis Islam Sarawak
Tingkatan 1 & 2, Sublot 3 & 4
Bangunan Mechunma, Jalan Haji Taha
93400 Kuching
Sarawak, Malaysia*

Sidang Editor

Zamri Mahamod
Nik Mohd. Rahimi Nik Yusoff
Ab. Halim Tamuri
Harun Baharuddin
Azhar Ahmad

ISI KANDUNGAN

Kata Pengantar	iv - vii
FALSAFAH PEMBANGUNAN MODAL INSAN	
Modal Insan Berkualiti: Minda-Kejas-Pertama <i>Abdul Razif Zaini & Rosfazila Abd. Rahman</i>	1 - 6
Strategi Pembangunan Modal Insan dalam Konteks Malaysia <i>Abd. Rahman Ahmad, Ahmad Sharifuddin Mustapha, Abdullah Sulaiman & Nik Kamal Wan Mohammed</i>	7 - 14
Pengukuhan Tawhid Asas Bina Insan Cemerlang: Satu Tinjauan terhadap Pendekatan Tarekat <i>Qadiriyyah Wa Naqshabandiyyah</i> di Malaysia dalam Usaha Mengukuhkan Tawhid sebagai Asas Pembinaan Insan <i>Abdul Manam Mohamad</i>	15 - 22
Peranan Pembangunan Tamadun Masyarakat Asli (PETAMA) Membentuk Modal Insan Orang Asli Melalui Pendidikan <i>Ahmad Redzuwan Mohd. Yunus</i>	23 - 28
Pendekatan Al-Qur'an dalam Pembangunan Modal Insan ✓ <i>Arifin Mamat</i>	29 - 34
Pembinaan Modal Insan Melalui Pembentukan Akhlak Individu ke Arah Kemantapan Tamadun Ummah <i>Faridah Che Husein, Zawiah Hj. Mat, Khairul Hamimah Mohammad Jodi & Fuadah Johari</i>	35 - 42
Pembangunan Modal Insan Menerusi Pendekatan Kemahiran Insaniah <i>Ismail Ibrahim, Mohd. Taib Dora, Mohd. Fauzi Kamarudin, Izaidin Abd. Majid, Nooraini Sulaiman & Zul-Kifli Hussin</i>	43 - 50
Kaedah Fiqh sebagai <i>Tool</i> dalam Pembentukan Modal Insan Lestari <i>Jasni Sulong, Mohd. Farid Mohd. Sharif, Mohd. Nizam Sahad & Suhaila Abdullah</i>	51 - 59
Pengurusan Tingkah-Laku Remaja ke Arah Pemeraksanaan Pembangunan Modal Insan: Bersandarkan Teori Barat dan Pendekatan Islam <i>Khalim Zainal & Aminudin @ Basir Ahmad</i>	61 - 68
Pendekatan Ilmu Wahyu Melalui Kitab-Kitab Jawi dalam Masyarakat Madani <i>Mohd. Bakhrir Abdullah</i>	69 - 84
Pembentukan Modal Insan Melalui Pendidikan Amar Makruf dan Nahi Mungkar <i>Mohd. Farid Mohd. Sharif, Jasni Sulong, Mohd. Nizam Sahad & Suhaila Abdullah</i>	85 - 90

PENDEKATAN AL-QUR'AN DALAM PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Arifin Mamat

Abstrak: Al-Qur'an selalu menegaskan kepada pembacanya agar ianya difahami dengan penuh teliti seterusnya mengambil iktibar setiap paparan yang terkandung di dalamnya. Al-Qur'an sebenarnya telah menggunakan pelbagai pendekatan atau kaedah dalam pembangunan modal insan. Kepelbagaian pendekatan tersebut telah terbukti berjaya membentuk masyarakat manusia di zaman Rasulullah dan zaman keagungan Islam selepasnya. Ini adalah kerana ia mempunyai pedagogi tersendiri dalam mendidik jiwa-jiwa manusia. Kejayaan tersebut membuktikan bahawa pembangunan modal insan berteraskan al-Qur'an mampu mengubah jiwa serta mengangkat kehidupan manusia kemercu kegemilangan. Kertas kerja ini membincangkan beberapa aspek pendekatan yang digunakan oleh al-Qur'an dalam pembangunan modal insan. Kajian terhadap kandungan al-Qur'an mendapati bahawa kitab yang diwahyukan oleh Allah ini menggunakan pelbagai kaedah dalam menyampaikan mesej kepada manusia. Dalam al-Quran terdapat cara-cara penyampaian yang sesuai digunakan di dalam pendidikan dan pembangunan insan. Kepelbagaian kaedah ini adalah bertepatan dengan pelbagai ragam manusia yang mempunyai cita rasa dan minat yang berbeza.

PENDAHULUAN

Al-Qur'an adalah kitab suci terakhir yang diturunkan oleh Allah untuk manusia. Ia merupakan anugerah-Nya yang unik dan besar nilainya kepada mereka. Namun ia tidak akan memberi sebarang manfaat jika sekiranya tidak difahami dan dihayati oleh orang-orang Islam. Oleh itu, al-Qur'an sendiri berulang-ulang kali menegaskan kepada pembacanya agar difahami dengan penuh teliti seterusnya mengambil iktibar setiap paparan yang terkandung di dalam al-Quran. Antaranya firman Allah: "Al-Qur'an ini sebuah kitab yang Kami turunkan dia kepadamu, kitab yang banyak faedah dan manfaatnya, untuk mereka memahami dengan teliti kandungan ayat-ayatnya dan untuk orang-orang yang berakal sempurna beringat mengambil iktibar." (Sad: 29).

Sejarah kecemerlangan generasi pertama umat Islam menjadi bukti peranan besar al-Qur'an dalam merubah sikap serta membentuk dimensi baru dalam kehidupan mereka. Generasi tersebut bukan sahaja menerima setiap mesej daripada Allah, tetapi berusaha untuk mengaplikasikannya dalam kehidupan seharian mereka (Sayyid Qutb, 1993).

Al-Qur'an sebenarnya telah menggunakan pelbagai pendekatan dalam pembangunan modal insan. Kepelbagaian pendekatan tersebut telah terbukti berjaya membentuk masyarakat manusia di zaman Rasulullah dan zaman keagungan Islam

selepasnya. Ini adalah kerana ia mempunyai pedagogi tersendiri dalam mendidik jiwa-jiwa manusia. Kejayaan tersebut membuktikan bahawa pembangunan modal insan berteraskan pendekatan yang digunakan di dalam al-Qur'an mampu mengubah jiwa serta mengangkat kehidupan manusia kemercu kegemilangan.

KLASIFIKASI MODAL INSAN POSITIF DALAM AL-QUR'AN

Al-Qur'an dengan jelas membahagikan insan yang baik kepada beberapa kategori dan ciri-ciri yang dimiliki oleh mereka di antaranya ialah:

- Muslimun
- Mu'minun
- Muttaqun
- Muhsinun
- Salihun
- Sabirun
- Taibun
- Mukhlisun

PENDEKATAN AL-QUR'AN DALAM PEMBINAAN MODAL INSAN

Al-Qur'an sebagai kitab terakhir yang diturunkan kepada manusia boleh dijadikan rujukan utama dalam pembangunan modal insan. Kepelbagaian pendekatan yang digunakan oleh al-Qur'an sebenarnya telah berjaya membentuk masyarakat Arab di zaman Rasulullah dan zaman keagungan Islam selepasnya. Ini adalah kerana ia mempunyai pedagogi tersendiri dalam mendidik jiwa-jiwa manusia. Didikan Rasulullah mendapat kejayaan yang tiada tolok bandingnya dalam sejarah kemanusiaan. Baginda berjaya menghubungkan masyarakat Islam ketika itu dengan realiti kehidupan mereka seterusnya mencapai kemuncak ketinggian. Kejayaan tersebut membuktikan bahawa pembangunan modal insan berasaskan pendekatan al-Qur'an mampu mengubah jiwa serta mengangkat kehidupan manusia kemercu kegemilangan. Secara umum terdapat empat pendekatan utama yang digunakan oleh al-Quran.

Pendekatan Fitrah dan Keperluan

Menurut Kamus Dewan (2002) fitrah adalah merupakan sifat semula jadi, bakat atau pembawaan yang sememangnya wujud dalam jiwa setiap manusia. Diantara asas fitrah semulajadi manusia ialah percaya kepada wujudnya Tuhan yang mencipta. Ianya dapat dijelaskan dimana manusia secara semulajadinya merasakan ia berhajat kepada kuasa tertentu. Keperluan ini dapat dibuktikan tatkala manusia berada dalam keadaan kesempitan sehingga tiada jalan keluar di depannya. Firman Allah: "Dan apabila kamu ditimpa bahaya di lautan nescaya hilanglah siapa yang kamu seru, kecuali Dia." (Al-Isra':67).

Pendekatan pembangunan insan berasaskan fitrah dan keperluan ini digunakan oleh al-Qur'an dengan mengembalikan jiwa manusia kepada fitrah semulajadinya yang suci (Shadid, 1994). Al-Qur'an menggunakan pelbagai hujjah untuk meyakinkan manusia hakikat kewujudan Allah. Hujjah-hujjah yang digunakan bertepatan dengan jiwa manusia dan mengajak mereka berfikir. Firman Allah: "Allah sekali-kali tidak mempunyai anak dan sekali-kali tidak ada Tuhan yang lain beserta-Nya. Kalau ada tuhan beserta-Nya tentulah masing-masing tuhan itu akan membawa makhluk yang diciptanya dan tentulah sebahagian dari tuhan-tuhan itu akan mengalahkan sebahagian yang lain." (Al-Mu'minun: 91). Al-Qur'an juga selalu mengajak manusia memerhati serta merenungi segala kejadian-Nya di bumi dan di langit. Firman Allah: "Dan di bumi itu terdapat tanda-tanda bagi orang-orang yang yakin. Dan juga pada dirimu sendiri, maka apakah kamu tidak memerhatikannya?" (Al-Zariyat: 20-21).

Pendekatan fitrah dan keperluan ini boleh dilaksanakan dalam membina jatidiri insan terutama dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Ianya bertepatan dengan ilmu psikologi pendidikan yang menganjurkan para pendidik mengenalpasti keperluan para pelajar dan tahap kematangan mereka sebelum memilih kaedah yang bersesuaian.

Pendekatan Ilmu dan Pendidikan

Usaha melancarkan modal insan dinamik memerlukan proses pengisian minda dengan ilmu pengetahuan. Justeru proses pendidikan dan pembudayaan ilmu seharusnya menjadi titik tolak dan pemangkin kepada usaha tersebut. Dalam hal ini kita dapati usaha menuntut ilmu atau belajar merupakan asas pertama yang diberi penekanan oleh Al-Qur'an. Ini jelas berdasarkan ayat pertama yang diturunkan oleh Allah ialah anjuran supaya membaca atau belajar. Firman Allah: "Bacalah dengan nama Tuhanmu yang menciptakan." (Al-Alaq: 1). Diantara matlamat utama penurunan Al-Qur'an ialah mengeluarkan manusia dari pada gelap kejahilan kepada cahaya ilmu pengetahuan. Justeru, kata dasar *al-ilmu* yang bererti tahu, dan kata-kata terbitan daripadanya telah digunakan di dalam Al-Qur'an sekitar lapan ratus kali (Arifin Mamat, 2004). Ini merupakan bukti yang jelas penekanan Al-Qur'an terhadap kepentingan ilmu pengetahuan.

Wajar juga dinyatakan bahawa al-Qur'an secara berterusan mengajak manusia supaya menggunakan daya intelek dan kebijaksanaan yang diberikan untuk meneroka pelbagai ilmu yang boleh memberi manfaat kepada manusia. Firman Allah: "Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pertukaran malam dan siang, dan kapal-kapal yang belayar di laut dengan membawa benda-benda yang bermanfaat kepada manusia, demikian juga pada air hujan yang Allah turunkan dari langit lalu ia hidupkan dengannya tumbuhan di bumi sesudah matinya, serta ia biakkan padanya dari berbagai-bagai jenis binatang, demikian juga pada peredaran angin dan awan yang tunduk kepada kuasa Allah terapung-apung di antara langit dengan bumi, sesungguhnya pada semua itu ada tanda-tanda bagi kaum yang menggunakan akal fikiran." (Al-Baqarah: 164).

Persepsi al-Qur'an terhadap ilmu pengetahuan telah mendorong para sarjana Islam silami untuk meneroka pelbagai bidang ilmu pengetahuan. Hasilnya sejumlah besar buku-buku telah dihasilkan atau diterjemahkan ke dalam bahasa Arab terutamanya

semasa pemerintahan Khalifah Al-Ma'mun dan Al-Mu'tasim (Surty: 2001). Oleh itu wajarlah Al-Qur'an dianggap sebagai sumber asas Islam bukan sahaja dalam bidang metafizik dan agama tetapi juga teras kepada bidang ilmu yang tertentu (Seyyed Hossein Nasr: 1985).

Al-Qur'an dengan jelas meletakkan ilmu dan orang-orang yang berilmu di kedudukan yang cukup tinggi. Firman Allah: "Katakanlah adakah sama orang yang mengetahui dengan orang yang tidak mengetahui. Sesungguhnya orang yang berakallah yang dapat menerima pengajaran. (Al-Zumar: 9).

Ilmu yang ditonjolkan oleh Al-Qur'an ialah dalam pengertiannya yang menyeluruh, bukan hanya terbatas kepada ilmu agama semata-mata bahkan merangkumi semua ilmu yang mengatur segala yang berkaitan dengan kehidupan manusia. Ajakan Al-Qur'an terhadap manusia agar beriman kepada Allah adalah berdasarkan ilmu pengetahuan. Bukan hanya sekadar taqlid ikutan semata-mata. Ini telah dijelaskan dalam keterangan terdahulu dimana Al-Qur'an menganjurkan agar manusia menjadikan alam ini sebagai sumber kajian. (Lihat Al-Baqarah: 164).

Pendekatan Al-Qur'an tidak bertujuan untuk menjelaskan ilmu secara terperinci. Ia hanya sekadar menunjuk jalan serta menyingkap fitrah manusia dengan membiarkan ruang untuk mengkaji dan berfikir secara terbuka sepanjang zaman (Shadid 1994). Dalam masa yang sama Allah dengan jelas mengancam orang-orang yang menyembunyikan ilmu. Firman Allah: Sesungguhnya orang-orang yang menyembunyikan apa-apa keterangan kitab suci yang telah diturunkan oleh Allah, dan membeli dengan keuntungan dunia yang faedahnya sedikit, mereka itu tidak mengisi ke dalam perut mereka selain dari api neraka. (Al-Baqarah: 174).

Perlu ditegaskan bahawa proses penyampaian ilmu tidak hanya terbatas secara formal seperti di institusi-institusi pendidikan semata bahkan ianya juga boleh dilakukan secara tidak formal mengikut kesesuaian komuniti tertentu. Ini adalah kerana pendidikan adalah merupakan proses berterusan dan perlu dilakukan secara menyeluruh dengan komitmen yang jitu.

Pendekatan Pemikiran

Al-Qur'an telah membuka lembaran baru dalam sejarah pemikiran manusia iaitu suatu pengiktirafan terhadap peranan akal dan daya pemikiran. Al-Qur'an menggesa Rasulullah supaya menyeru mereka berfikir kerana itulah cara untuk menyampaikan kepada kebenaran serta iman (Lihat Surah Saba': 46). Baginda sendiri digambarkan sebagai manusia biasa. Firman Allah: "Katakanlah, 'Sesungguhnya aku hanyalah seorang manusia seperti kamu, diwahyukan kepadaku bahawa Tuhan kamu hanyalah Tuhan yang satu.'" (Al-Kahif: 110). Kepentingan berfikir digambarkan oleh Al-Qur'an mengenai penyesalan golongan yang tidak beriman seperti firmanNya: Dan mereka berkata, 'Kalaulah kami dahulu mendengar dan memahami tentulah kami tidak termasuk dalam kalangan ahli neraka.'" (Al-Mulk: 10).

Integrasi antara pemikiran dengan pancaindera dan pengamatan merupakan cara

yang berkesan untuk memahami rahsia alam seterusnya mengiktiraf kewujudan Yang Maha Berkuasa (Shadid, 1994). Firman Allah: "Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi dan pertukaran malam dan siang ada tanda-tanda bagi orang-orang yang berakal. (Ali Imran: 190).

Seterusnya Al-Qur'an mengecam hebat manusia yang mengabaikan fikiran serta mengelakkan diri dari sinar ilmu pengetahuan. Kedudukan mereka digambarkan lebih rendah daripada binatang. Firman Allah: "Dan sesungguhnya Kami jadikan untuk neraka jahannam banyak dari jin dan manusia yang mempunyai hati yang tidak mahu memahami dengannya dan mempunyai mata yang tidak mahu melihat dengannya dan mempunyai telinga yang tidak mahu mendengar dengannya, mereka itu seperti binatang ternakan, bahkan mereka lebih sesat lagi, mereka itulah orang-orang yang lalai. (Al-A'raf: 179).

Pendekatan ini amat bertepatan sekali dalam usaha melahirkan insan yang mampu berfikir secara kritis dan kreatif. Dalam konteks pendidikan, pendidik yang berkesan seharusnya memberi peluang kepada pelajar untuk menyatakan pandangan mereka. Pelajar juga harus didedahkan dengan kaedah penyelesaian masalah dan penemuan.

Pendekatan Ibadah

Ibadah menurut Al-Qur'an adalah meluas tidak sekadar terbatas kepada perkara-perkara yang melibatkan Ibadah khusus semata-mata. Islam mengajar manusia bahawa kehidupan ini adalah satu kesatuan dimana setiap yang ada di dalamnya adalah berpaksikan kepada Allah. Tidak ada pemisahan antara jalan dunia dan jalan akhirat (Shadid, 1994). Ianya harus bergerak seiring menuju kearah paksi yang sama. Firman Allah: "Katakanlah, sesungguhnya sembahyangku dan ibadatku, hidupku dan matiku hanyalah untuk Allah Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam." (Al-An'am: 162).

Pendekatan ibadah yang berteraskan agama ini merupakan didikan kepada jiwa manusia dan membangunkan perasaan bertanggungjawab terhadap yang Maha Pencipta. Ianya berasaskan idea Al-Qur'an tentang kedudukan dan peranan manusia di dalam alam ini. Seterusnya dapat mengelak manusia daripada penyelewengan yang akan membawa mereka kepada kesesatan.

Ibnu Khaldun pernah menegaskan bahawa agama merupakan faktor utama yang mempengaruhi pembentukan manusia. Ini adalah kerana agama bermatlamat kearah pembinaan akhlak yang baik samada melalui perintah atau tegahannya. Oleh itu sebarang perlakuan yang baik dan terpuji merupakan diantara perkara yang disuruh oleh agama dan begitulah sebaliknya, sebarang perlakuan keji merupakan yang dilarang oleh agama. (Al-Na'miy, 1994). Dalam Surah Luqman contohnya, kita dapati beliau telah berpesan kepada anaknya supaya mengambil berat terhadap tanggungjawab asas dalam agama iaitu mendirikan sembahyang. "Wahai anakku! Dirikanlah sembahyang... (Luqman: 17).

Sembahyang ialah pokok syariat Islam dan ibadah yang penting, oleh kerana

itulah ia menjadi rukun Islam yang utama sesudah mengucap dua kalimah shahadah. Sabda Rasulullah yang bermaksud: "Sembahyang itu adalah tiang agama. Sesiapa yang mendirikanannya, maka dia telah mendirikan agama. Dan sesiapa yang meninggalkannya, maka dia telah merobohkan agama".

Sembahyang merupakan bukti kepatuhan hamba kepada Tuhan yang menciptanya. Ia juga merupakan suatu perhubungan langsung antara hamba dengan Tuhan. Ini adalah kerana setiap kali seseorang menunaikan sembahyang, setiap itulah dia membersihkan diri dengan memohon keampunan, menyatakan kesetiaan, meminta diperluaskan rezeki dan banyak lagi (Syed Ahmad Semait, 1991). Justeru tepatlah sembahyang merupakan tanggungjawab penting bagi orang Islam. Al-Qur'an telah menggunakan pendekatan ibadah ini untuk membina jiwa manusia. Pendidikan yang ingin diterapkan oleh Luqman kepada anaknya melibatkan perasaan bertanggungjawab terhadap tugas utama. Seseorang seharusnya komited dalam melaksanakan tugas utama yang dipertanggungjawabkan (Arifin Mamat, 2005).

Justeru, ibadah di dalam Islam adalah merupakan satu kaedah dalam mendidik manusia yang bermatlamat kepada pembentukan personaliti, tingkah laku moral yang bersih serta membangun satu masyarakat yang memahami tanggungjawab dan matlamat hidup.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya dapat dinyatakan bahawa bertepatan dengan peranannya sebagai kitab terakhir yang diturunkan, al-Qur'an amat menitikberatkan kepada persoalan pembangunan insan. Beberapa kategori manusia telah dinyatakan secara jelas merangkumi ciri-ciri yang harus dimiliki oleh mereka. Pelbagai pendekatan telah digunakan oleh al-Qur'an untuk membentuk manusia dan menunjukkan mereka ke jalan yang benar. Pendekatan yang terdapat di dalamnya wajar diambil perhatian oleh semua pihak terutama para pendidik dalam usaha membangun insan yang berketrampilan dan menjadi asset penting kepada pembangunan masyarakat dan negara.

RUJUKAN

- Arifin Mamat (2004). *Qur'anic pedagogy and its practices in the teaching of Arabic language*. Unpublished Ph.D. Thesis. The University of Birmingham.
- Arifin Mamat (2005). *Kandungan pendidikan nilai-nilai murni berdasarkan aplikasi Luqman Al-Hakim*. Kertas kerja di 'Asia Pacific Moral, Civic and Citizenship Education Conference', 21-22 September 2005. Universiti Malaya.
- Nasr, Seyyed Hossein (1985). *Ideals and realities of Islam*. London: George Allen & Unwin.
- Qutb, Sayyid (1993). *Milestone*. Indianapolis: American Trust Publications
- Shadid, Muhammad (1994). *Metodologi al-Qur'an dalam pendidikan*. Osman Khalid. (Terj.). Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Surdy, Muhammad Ibrahim H.I. (2001). *Towards understanding Qur'anic Arabic*. Birmingham: Qur'anic Arabic Foundation.
- Syed Ahmad Semait (1991). *Wasiat Luqman Al-Hakimi kepada puteranya*. Singapura: Pustaka Nasional.